

BAB LIMA

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 : Pendahuluan

Kajian ini memberi tumpuan kepada tahap dan punca kebimbangan profesional yang dihadapi oleh guru-guru yang sedang mengajar di beberapa buah sekolah di sekitar Pelabuhan Klang. Dalam bab ini perbincangan tertumpu kepada dapatan kajian, perbincangan dan seterusnya cadangan.

5.1 : Ringkasan Dapatan Kajian

Hasil dari kajian ini mendapati bahawa tahap kebimbangan profesional guru-guru adalah berada pada tahap bimbang. Kajian ini juga mendapati punca utama kebimbangan wujud berdasarkan beberapa aspek iaitu seperti pelajar, para pentadbir dan pengurus sekolah, beban tugas guru, PIBG serta persekitaran atau suasana tempat, bertugas guru-guru. Dasar-dasar pendidikan terkini yang mementingkan penggunaan Bahasa Inggeris juga adalah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perhubungan di antara tahap kebimbangan profesional guru-guru berdasarkan jantina.

Dapatan kajian mendapati bahawa daripada kesemua item-item yang terdapat di dalam jadual 4.3 hingga jadual 4.9, sebanyak 10 item yang menunjukkan bacaan min tertinggi. Item-item ini adalah merupakan faktor utama yang mempengaruhi tahap kebimbangan di kalangan responden. Item-item tersebut adalah seperti berikut :

- 1 . Pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran.
- 2 . Bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru.
- 3 . Tidak menerima cadangan guru-guru.
- 4 . Tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting.
- 5 . Sikap dan penerimaan murid terhadap pengajaran.
- 6 . Mengenakan tekanan terhadap guru-guru.
- 7 . Tidak prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru.
- 8 . Sikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.
- 9 . Pengurusan dan kawalan kelas, pelajar bermasalah disiplin.
- 10 . Sikap suka berpuak-puak.

Berdasarkan item-item di atas dapat dirumuskan bahawa tahap kebimbangan responden adalah amat berkait rapat dengan punca-punca kebimbangan yang melibatkan pihak pentadbir sekolah, sikap pelajar dan dan sikap ibubapa pelajar.

5.2 : Perbincangan

5.2.1: Tahap Kebimbangan Professional Guru-guru

Kajian ini mendapati tahap keseluruhan kebimbangan profesional guru-guru berada pada tahap bimbang. Ini menunjukkan bahawa guru-guru berada dalam keadaan bimbang dan kebimbangan ini berpunca daripada beberapa faktor utama seperti pelajar, pentadbir dan pengurus sekolah, rakan sekerja, iklim sekolah, ibu bapa pelajar dan sebagainya. Guru-guru sentiasa berhadapan dengan masyarakat, pentadbir serta pelajar dan mereka mempunyai akauntabiliti terhadap tugas-tugas mereka. Sekiranya pencapaian akademik pelajar menurun atau berlaku masalah disiplin, guru-guru akan dipersalahkan. Perasaan bimbang ini akan menjejaskan prestasi kerja guru-guru, oleh yang demikian langkah-langkah yang sewajarnya perlulah diambil untuk memperbaiki keadaan.

5.2.2: Punca Kebimbangan

Dapatan kajian menunjukkan punca utama kebimbangan profesional dikalangan guru-guru yang dikaji ialah aspek pelajar. Sikap pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran adalah merupakan punca kebimbangan yang paling utama dikalangan guru-guru. Item ini telah mencatatkan min yang tertinggi iaitu 3.71. Ini menunjukkan bahawa guru-guru merasa sangat bimbang akan sikap pelajar-pelajar yang kurang berminat terhadap pelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa

guru-guru merasa bimbang apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin serta reaksi pelajar-pelajar terhadap guru-guru setelah dikenakan tindakan disiplin. Peraturan sedia ada yang terlalu menghadkan tindakan guru-guru terhadap pelajar-pelajar boleh menyebabkan guru-guru tidak dihormati oleh pelajar, sehingga ada yang sanggup mencabar kesabaran guru-guru ketika mereka menjalankan tugas perhatian yang lebih perlu diberikan kepada pelajar-pelajar supaya mereka lebih bermotivasi dalam pelajaran.

Punca kebimbangan seterusnya adalah aspek pihak pentadbir dan pengurusan sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru merasa bimbang terhadap para pentadbir yang hanya mementingkan tugas. Pentadbir-pentadbir autokratik yang lebih mengambil berat terhadap organisasi, menitikberatkan soal kerja daripada memikirkan kebajikan kakitangan serta kurang bergaul dengan mereka telah menimbulkan perasaan bimbang yang sangat ketara di kalangan guru-guru.

Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru merasa bimbang dengan tindakan pihak pentadbir seperti bertindak tanpa berunding, tidak menerima cadangan guru, tidak mendapatkan persetujuan guru sebelum meneruskan perkara penting, mengenakan tekanan, tidak perihatin terhadap masalah guru-guru, menaruh harapan yang terlalu tinggi serta mengkritik kerja-kerja yang tidak bermutu.

Pihak pentadbir harus berusaha untuk mengekalkan hubungan yang baik dan mesra dengan kakitangannya, mengambil berat tentang kebajikan mereka, menaruh sepenuh kepercayaan kepada kakitangannya, menggalakkan anggota organisasi melaksanakan tugas dan membenarkan mereka mengambil bahagian dalam membuat sesuatu keputusan. Hubungan yang mesra di antara pihak pentadbir dan kakitangan serta saling hormat menghormati antara satu sama lain akan menyebabkan perasaan bimbang di kalangan guru-guru dapat dikurangkan ditahap yang paling rendah. Pihak pentadbir memainkan peranan yang paling penting dalam proses membentuk suatu iklim atau budaya sekolah yang amat disenangi oleh warga sekolah.

Punca kebimbangan yang seterusnya ialah aspek rakan sekerja yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru merasa bimbang akan sikap guru-guru yang suka berpuak-puak di kalangan mereka, tidak bekerja sama serta sikap guru-guru yang suka mengadu kepada pihak pentadbir. Suasana kerja seperti ini menjadikan guru-guru tidak tenteram dan akan sentiasa merasa bimbang dengan tindak-tanduk rakan sekerja. Oleh yang demikian pihak pentadbir perlu mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memupuk semangat kekitaan dan semangat bekerjasama bagi membolehkan guru-guru saling memahami antara satu sama lain.

Beban tugas sebagai guru juga adalah merupakan punca kebimbangan di kalangan guru-guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru merasa bimbang dengan beban tugas bukan mengajar yang kian meningkat di samping mengajar matapelajaran bukan opsyen. Guru-guru merasa bimbang kerana beban

tugas bukan mengajar yang diamanahkan kepada mereka menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan ‘ kore business’ atau tugas utama mereka iaitu mengajar. Ini akan menyebabkan pencapaian akademik pelajar semakin merosot seterusnya akan menjejaskan prestasi sesebuah sekolah. Di samping itu kurangnya keyakinan serta kemahiran untuk mengajar matapelajaran bukan opsyen merupakan satu kebimbangan yang mengarah kepada kurangnya rasa yakin diri dan kebolehan dalam diri guru untuk mengajar matapelajaran tersebut.

Untuk mengatasi masalah ini pentadbir sekolah harus mengagihkan tugas secara sama rata kepada semua guru-guru supaya mereka tidak merasa dibebani dengan tugas yang telah dipertanggungjawabkan. Guru-guru bukan opsyen juga boleh dihantar berkursus agar lebih yakin dengan matapelajaran yang diajar.

Punca kebimbangan guru yang seterusnya ialah ibu bapa pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru bimbang dengan sikap ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. sikap acuh tak acuh pada pendidikan anak-anak dan sikap suka melepaskan tanggungjawab mendidik sepenuhnya kepada para pendidik. Implikasi dari sikap ibubapa ini akan menyebabkan pelajar kurang berminat pada pelajaran dan ini akan mengakibatkan kemerosotan pencapaian akademik di kalangan pelajar-pelajar.

Sikap ibu bapa yang suka menyebelahi anak apabila guru-guru atau pihak sekolah mengadu mengenai masalah disiplin merupakan punca kebimbangan

yang dihadapi oleh guru-guru. Ibu bapa yang suka campur tangan dengan sewenang-wenangnya apabila guru-guru cuba mendisiplinkan anak mereka serta cepat melenting tanpa usul periksa akan melemahkan semangat guru untuk membentuk keperibadian dan disiplin pelajar. Untuk mengatasi masalah seumpama ini pihak sekolah boleh menganjurkan sesi dialog bersama ibu bapa dan guru-guru untuk membincangkan permasalahan yang wujud di kalangan pelajar.

Sikap masyarakat yang suka menaruh harapan yang tinggi kepada guru-guru dalam beberapa perkara juga adalah merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Masyarakat percaya guru perlu dipertanggungjawabkan dalam menangani kegawatan sosial dalam masyarakat seperti masalah kemerosotan disiplin pelajar, keruntuhan moral dan kecemerlangan akademik. Adakah wajar semua yang berlaku perlu dipertanggungjawabkan kepada guru-guru? Kemungkinan harapan masyarakat yang keterlaluan ini menyebabkan guru-guru merasa rimas dan tidak selesa. Fenomena ini mungkin menyebabkan kebimbangan kepada guru-guru. Guru-guru terasa diawasi atau diperhatikan oleh masyarakat ketika menjalankan tugas atau di luar tugas.

Punca kebimbangan yang seterusnya adalah persekitaran kerja. Dalam aspek ini guru-guru bimbang dengan persekitaran yang tidak mengalakkan perkembangan dan percambahan idea guru dan pelajar. Suasana yang merangsangkan perkembangan dan percambahan idea sangat bergantung kepada disiplin dan sikap pelajar, guru dan juga kecekapan pihak pentadbir yang berperanan

sebagai pemimpin pendidikan. Pihak pentadbir seharusnya berusaha untuk mewujudkan suatu suasana atau iklim sekolah yang baik demi untuk menggalakkan perkembangan dan percambahan idea di kalangan guru-guru dan pelajar.

Punca kebimbangan profesional yang terakhir ialah pelaksanaan dasar-dasar pendidikan. Dasar penggunaan Bahasa Inggeris dalam beberapa matapelajaran tertentu menjadi punca kebimbangan yang paling ketara di kalangan guru-guru. Guru berasa bimbang bahawa mereka akan hilang peluang kenaikan pangkat kerana gagal menguasai Bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat guru-guru yang belum boleh menguasai Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dengan baik dan lancar.

Guru-guru harus sedar tujuan utama pihak kerajaan melaksanakan dasar ini dan mereka seharusnya berusaha untuk menguasai Bahasa Inggeris supaya tidak hilang peluang kenaikan pangkat serta mampu bersaing dengan guru-guru yang mahir berbahasa Inggeris. Berbagai-bagai langkah boleh diambil oleh guru-guru untuk meningkatkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris.

5.3: Cadangan

Berdasarkan beberapa implikasi kajian yang telah dikemukakan, berikut adalah beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk diambil tindakan.

- Semua pentadbir dikehendaki mengikut program orientasi dan kemudiannya mengikuti satu siri program latihan untuk meningkatkan kebolehan pentadbiran bersifat professional. Ini adalah kerana perlantikan pengetua dibuat berdasarkan kriteria perkhidmatan dan prestasi kerja dan boleh dikatakan bahawa semua pengetua di Malaysia dilantik daripada golongan guru yang biasanya tidak mempunyai sebarang latihan pra – perkhidmatan.
- Pihak sekolah perlu mengadakan lebih banyak program motivasi yang melibatkan pelajar dan ibubapa untuk menimbulkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan.
- Peraturan sedia ada yang mana membenarkan beberapa orang guru seperti guru disiplin, GPK dan pengetua merotan pelajar perlu dirombak atau ditukar. Semua guru perlu diberi kuasa untuk merotan. Sekiranya tidak, peraturan yang sedia ada boleh menyebabkan guru-guru tidak dihormati pelajar hingga ada yang sanggup mencabar kesabaran guru-guru.
- Tugas bukan mengajar seperti melakukan tugas-tugas perkeranian oleh guru-guru harus dielakkan atau dikurangkan.

Berikut adalah beberapa strategi yang boleh digunakan oleh pihak pentadbir untuk mengurangkan kebimbangan di kalangan guru-guru.

- 1 . Mengadakan kumpulan-kumpulan perbincangan di mana guru-guru digalakkan untuk menyatakan pandangan mereka secara bebas tanpa sebarang kebimbangan.
- 2 . Memberi peluang yang luas bagi anggota staf bergaul mesra sesama mereka dengan menganjurkan hari keluarga, jamuan sempena perayaan-perayaan, mengadakan lawatan-lawatan dan sebagainya. Ini akan mengeratkan lagi perhubungan antara guru-guru dan membantu mewujudkan suasana tempat kerja yang harmoni.
- 3 . Mewujudkan budaya sekolah yang positif.
- 4 . Mewujudkan iklim yang sesuai untuk percambahan idea. Program latihan atau kursus boleh dianjurkan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran. Program-program seumpama ini dapat menambahkan pengetahuan mereka untuk menjadi guru yang lebih profesional dan berkualiti.
- 5 . Mewujudkan permuafakatan antara PIBG dan pihak sekolah supaya dapat bekerjasama untuk menimbulkan kesedaran di kalangan ibu bapa dan pelajar.

5.4 : Cadangan Untuk Kajian Lanjut

Kajian ini hanya tertumpu kepada satu kawasan iaitu di Pelabuhan Klang. Kajian lanjutan boleh dijalankan dengan memperluaskan lagi kawasan kajian bagi meliputi peringkat daerah, negeri mahupun peringkat negara.

Kajian lanjutan juga diperlukan untuk mengenal pasti tahap dan punca kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru. Melalui kajian seperti ini punca-punca kebimbangan profesional di kalangan guru-guru dapat diatasi dengan segera.

5.5: Kesimpulan

Guru adalah pengajar, pendisiplin, kerani, penyebar nilai masyarakat, pengganti ibubapa, penilai, pembentuk peraturan-peraturan, kaunselor, penyelia dan contoh kepada pelajar. Serta disiplin pelajar merupakan aspek-aspek penting yang sentiasa menarik perhatian orang ramai. Ibu bapa selalu mengharapkan pencapaian akademik anak-anak mereka meningkat dengan baik. Selain daripada aspek pelajar, bebanan tugas dari persekitaran kerja merupakan punca-punca kebimbangan profesional di kalangan guru-guru. Perasaan bimbang ini sudah tentu akan menjejaskan prestasi kerja guru-guru.

Untuk mengatasi masalah kebimbangan guru-guru ini pihak pentadbir harus mengamalkan corak kepimpinan yang mengutamakan perhubungan manusia.

Mereka juga harus berusaha untuk mewujudkan suasana yang selesa, tenteram, mesra, riang di mana proses pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan dengan lancar serta berkesan. Antara ciri-ciri budaya sekolah yang perlu diwujudkan ialah aspek sosial yang merangkumi menghormati hak individu, bantu-membantu antara satu sama lain, kemesraan dan keriang, semangat ramah tamah dan bertegur sapa dan tidak berlaku amalan pilih kasih dan aspek ilmu yang merangkumi semangat mahu belajar dan ransangan untuk belajar.

Sekiranya iklim sekolah dan budaya yang positif dapat diwujudkan, tahap kebimbangan dikalangan guru akan dapat dikurangkan dan proses pengajaran dan pembelajaran boleh dijalankan dengan lancar.

5.6: Penutup

Arus perkembangan sistem pendidikan di dunia yang semakin pesat membangun, selaras dengan dunia globalisasi dan serba canggih turut memaksa beberapa perubahan drastik perlu dilaku baik di dalam sistem pendidikan mahupun persediaan guru-guru sebagai penyebar ilmu di negara kita juga.

Peranan guru sebagai penyebar ilmu, sejak kebelakangan ini sering terganggu serta dihantui oleh pelbagai kerenah dan masalah yang wujud baik dari kalangan pihak pentadbir mahupun dari pihak-pihak lain seperti pelajar, masyarakat, ibubapa pelajar, rakan sekerja, beban tugas bukan mengajar, kesesuaian tempat bertugas juga dasar-dasar pendidikan yang sering berubah. Keruntuhan moral di kalangan pelajar dan sikap ibubapa yang terlalu menekan pihak guru telah mengakibatkan golongan pendidik ini sering dilanda perasaan bimbang. Sikap pihak pentadbir sekolah yang terlalu tegas dan lurus tanpa memikirkan perasaan kakitangannya juga adalah merupakan faktor penggalak utama kepada peningkatan tahap kebimbangan di kalangan guru-guru. Peningkatan tahap kebimbangan ini sudah pasti akan menyebabkan prestasi guru-guru sebagai penyebar ilmu akan terganggu seterusnya ianya akan mengakibatkan tahap pencapaian sesebuah sekolah baik dalam kurikulum mahupun ko-kurikulum akan terjejas.

Dalam menentukan halatuju sistem pendidikan negara, peranan guru sebagai pendidik dan penyebar ilmu adalah amat penting. Oleh yang demikian beberapa

langkah perlu diambil terutama sekali oleh pihak yang berwajib untuk memastikan agar perasaan bimbang ini dapat di atasi segera. Pihak pengurus dan pentadbir sekolah seharusnya berperanan sebagai pemimpin yang mengutamakan nilai-nilai kemanusiaan serta memahami kehendak orang bawahannya terutama sekali guru-guru. Pentadbir juga seharusnya bertindak sebagai orang tengah serta pemudah cara kepada guru-guru untuk menyelesaikan masalah-masalah dalaman yang wujud di kalangan guru-guru. Di samping itu pihak masyarakat terutama sekali ibubapa pelajar seharusnya tidak terlalu menekan guru-guru. Perhatian dari pihak ibubapa terhadap anak-anak terutama sekali dalam bidang akademik dan masalah disiplin adalah amat diperlukan agar ianya dapat diselesaikan secara berunding dengan pihak sekolah.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ada dewasa ini akan menentukan dan mewarnai negara dan bangsa pada masa depan. Sudah tiba masanya bagi pihak-pihak yang terlibat untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berlandaskan falsafah tersebut terutama sekali institusi sekolah agar dapat memberikan penekanan yang khusus terhadap aspek ini. Perubahan yang bakal berlaku diharapkan agar dapat meringankan beban serta perasaan bimbang yang dihadapi oleh kalangan pendidik seterusnya mampu menyebarkan ilmu dengan lebih berkesan tanpa sebarang gangguan.